

Bahasa Melayu selepas



Tahun Merdeka

Oleh AMINUDIN MANSOR

Penggunaan bahasa yang baik, betul dan tepat mencerminkan bangsa yang melahirkan bahasa tersebut. Justeru penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang dipertuturkan oleh rakyat yang pelbagai kaum ini sebenarnya mencerminkan identiti bangsa Malaysia yang mau dilahirkan oleh negara kita.

Konsep "di sini lahirnya sebuah cinta" sepatutnya juga meliputi kecintaan terhadap bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu. Setelah negara kita mengesep 61 tahun kemerdekaan, tanpa rasa cinta dan sayang akan bahasa kebangsaan, sesuatu bangsa itu tidak akan maju. Sejarah dan perkembangan bahasa Melayu sebelum dan sesudah merdeka amat panjang. Kini, bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa ilmu, bahasa komunikasi dan bahasa perpaduan yang berkesan.

Bermula dengan aspek-aspek asal usul bahasa Melayu, iaitu bahasa Melayu kuno, bahasa Melayu klasik, bahasa Melayu moden dan unsur asing dalam bahasa Melayu hinggalah perkembangannya hingga hari ini. Sejarah membuktikan bahawa sebelum dan selepas merdeka, semua aspek ini dihuraikan dan terdapat bahan bukti kukuh; tokoh, dan institusi yang terlibat dalam memberikan sumbangan besar terhadap perkembangan bahasa Melayu.


Sejarah membuktikan bahawa selepas tahun 1970, bahasa Melayu dimantapkan penggunaannya terutama di sekolah rendah dan di sekolah menengah. Mulai tahun 1983 pula, semua kursus tahun pertama di peringkat universiti turut diajar dalam bahasa kebangsaan berbanding penggunaan bahasa Inggeris sebelum ini. Pada masa ini, bahasa Melayu digunakan sepenuhnya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang sepatutnya menjadi ikutan universiti awam dan swasta yang lain.

Menggunakan bahasa yang sama antara penduduk pelbagai kaum cukup penting sebagai medium perpaduan di Malaysia. Justeru, mulai tahun 1971, kerajaan telah memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Bahasa Melayu mula digunakan sebagai bahasa pengantar utama di sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris pada tahun 1970. Kemudian, bahasa Melayu diperluas ke peringkat pengajian yang lebih tinggi. Dalam usaha untuk memperkukuh bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa saintifik, bahasa Melayu telah melalui pelbagai peringkat pemantapan. Antara peringkat pemantapan itu termasuklah badan berkaitan dengan bahasa mencipta pelbagai istilah baharu, terutama yang

bersifat teknikal dan saintifik dalam usaha menjadikan bahasa Melayu bahasa ilmu.

Pelbagai perkataan baharu dicipta termasuklah menyadur daripada bahasa asal sumber ilmunya seperti bahasa Inggeris. Kerja-kerja penterjemahan giat dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Institut Terjemahan Negara (ITN) untuk menterjemahkan banyak buku berunsur keilmuan ke bahasa Melayu. Usaha dan langkah penterjemahan ini dapat mengukuhkan sistem pendidikan yang menggunakan bahasa Melayu bertindak sebagai agen utama perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum, yang mampu mempererat perhubungan dan persefahaman antara kaum. Biarpun bahasa kebangsaan ditekankan dari segi penggunaan, namun bahasa ibunda kaum lain tidak dikesat, penggunaannya Hal ini juga tidak mengganggu perkembangan bahasa Melayu moden pramerdeka dan pascamerdeka.

Mencintai bahasa mestilah dengan mempelajarinya, mengamalkan dan mendaulatkan bahasa tersebut. Apa-apa pun, bahasa mesti dipelajari melalui percakapan dan penulisan yang tepat dan betul. Bahasa yang baik akan menjadi bahasa ilmu dan bahasa pengantar di sekolah hingga ke universiti. Justeru,



Untuk mengenali akal budi Melayu, menurut mereka, seseorang mestilah memahami dan mempelajari selok-belok dan keindahan bahasa Melayu.



rakyat negara ini perlu memahami bahawa bahasa kebangsaan merujuk bahasa Melayu tinggi yang mesti dipelajari oleh semua pelajar di sekolah, termasuk orang Melayu sendiri. Bahasa Melayu mempunyai falsafah dalam komponen kebudayaan yang diamalkan oleh masyarakat sejak dahulu.

Pendidikan bahasa Melayu melalui mata pelajaran Bahasa Malaysia di sekolah memainkan peranan penting ke arah perpaduan, pemahaman tentang peranan bahasa sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar dalam kalangan pelajar di sekolah rendah dan menengah. Jika tidak dipelajari sesuatu bahasa itu, kita tidak akan berupaya memahami dan mengetahui kehebatannya dan nilai keindahannya.

Hal ini diakui dalam kalangan pengkaji Barat seperti R.O. Winstedt yang mengkaji bahasa Melayu, R.J. Wilkinson, yang mengkaji pantun Melayu, dan C. Hooykaas yang mengkaji sastera Melayu. Untuk mengenali akal budi Melayu menurut mereka, seseorang mestilah memahami dan mempelajari selok-belok dan keindahan bahasa Melayu. Sebagai contoh, sarjana Barat, iaitu R.O. Winstedt yang

menghasilkan buku *Tatabahasa Melayu* dan O.T. Dusek menerbitkan buku-buku sekolah dan bacaan tambahan yang juga mengkaji tentang bahasa dan kesusasteraan Melayu dan juga D.G.E. Hall, kagum dan mengakui bahawa masyarakat Melayu amat kaya dengan budi bahasa.

Melalui bahasanya dan sasteranya, masyarakat Melayu memancarkan budi bahasa dan akal budi dalam percakapan dan kehidupan seharian. Kekayaan budi bahasa orang Melayu terpancar melalui kesusasteraan rakyat yang menceritakan keamanan, kesejahteraan dan budi bahasa yang lemah lembut. Justeru, pelajaran bahasa Melayu dan sastera Melayu akan dapat meningkatkan kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar dan orang ramai. Selain itu, hal ini mampu membina pemikiran yang matang dan bijaksana, dengan akal budi yang terpancar melalui sastera, khususnya yang menggunakan bahasa Melayu.

Pembangunan peradaban dan kemasyarakatan yang unggul dapat dimanfaatkan melalui pembelajaran bahasa dan sastera Melayu yang akan

mempengaruhi tingkah laku dan sistem kemasyarakatan yang telah dibentuk sejak dahulu. Bahasa Melayu perlu dipelajari dengan betul melalui Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di peringkat sekolah lagi.

Perkara ini diakui sendiri oleh mantan Dekan Fakulti Bahasa Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan. Menurut beliau, bahasa Melayu tinggi, iaitu bahasa kebangsaan bukan bahasa percakapan harian yang dipelajari di rumah atau di kampung, dan bukan hanya milik orang Melayu. Menurut beliau lagi, bahasa Melayu tinggi bermaksud bahasa yang dipelajari di sekolah dan mempunyai sistem sebutan, ejaan, kaedah membentuk perkataan, ayat serta ungkapan yang gramatis.

Jelaslah bahawa bahasa kebangsaan menjadi kepunyaan semua warga Malaysia dan setiap ahli masyarakat di negara ini, termasuk orang Melayu, perlu mempelajarinya, terutamanya dari segi sebutan, ejaan, nahu, dan penggunaan. Beliau seterusnya menyatakan bahawa apabila semua warga Malaysia menerima

bahasa Melayu tinggi itu, akhirnya terbentuk persamaan konsep satu bahasa seperti yang dilahirkan selama ini.

Bagi membina jati diri Malaysia dengan tidak menafikan kewujudan dan kepentingan bahasa kaum lain, peruntukan mengenai bahasa kebangsaan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pendidikan perlu difahami dan dihormati. Kejayaan sesuatu bahasa banyak terletak kepada usaha dan transformasi serta kesedaran yang tinggi yang dilakukan oleh bangsa itu sendiri.

Sebagai bahasa ilmu, kini terdapat banyak buku akademik dalam pelbagai bidang ilmu yang ditulis dalam bahasa Melayu untuk kegunaan pelajar di institusi pengajian tinggi. Oleh itu, bahasa Melayu mampu berfungsi sebagai

bahasa ilmu. Oleh hal yang demikian, bagi memperkasakan dan memasyarakatkan bahasa Melayu, kita mesti mempelajari bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu seperti yang disarankan oleh para ilmuwan dan pakar bahasa di negara ini. Memperkasakan bahasa Melayu mesti dilakukan di peringkat sekolah dan juga di pusat pengajian tinggi melalui penulisan dan pertuturan.

Bahasa Melayu tidak perlu dipolitikkan kerana semua kaum sudah memahami peranan dan kedudukan bahasa Melayu di negara ini. Lantaran itu, perkara yang penting ialah memajukan diri dengan mempelajari bahasa Melayu ke arah bahasa ilmu. Semua pihak harus memainkan peranan ke arah itu. Sikap dan pemikiran kita harus berubah dengan memandang ke hadapan yang lebih jauh dan mencabar.

Penggunaan bahasa yang betul dan tepat mencerminkan bangsa yang melahirkan bahasa tersebut. Justeru, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang dipertuturkan oleh rakyat pelbagai kaum ini sebenarnya mencerminkan identiti bangsa Malaysia yang ingin dilahirkan oleh negara kita selepas merdeka. Justeru, bahasa Melayu mampu dan boleh bertindak sebagai agen utama

perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum, yang mampu mempererat lagi perhubungan dan persefahaman antara kaum. Biarpun bahasa kebangsaan ditekankan dari segi penggunaannya, namun, bahasa-bahasa ibunda kaum-kaum lain tidak disekek, malah bebas digunakan. Lantaran itu, kehidupan yang memabitkan pelbagai kegiatan dan aktiviti dalam masyarakat sewajarnya menekankan penggunaan bahasa Melayu dengan tepat dan betul. Pemantapan ini boleh dilakukan melalui pertuturan dan penulisan. Usaha berterusan memperkasakan bahasa Melayu mestilah ditumpukan di peringkat sekolah rendah dan menengah dan juga universiti, malah di media cetak dan elektronik dan laman sosial.

Tuntasnya, fungsi bahasa Melayu moden adalah sebagai bahasa ilmu, bahasa perpaduan dan bahasa komunikasi yang berkesan. Setelah 61 tahun merdeka, ketiga-tiga fungsi tersebut dapat menyatukan penduduk dan memaknakan identiti masyarakat Malaysia. **DB**

Penulis berkelulusan Doktor Falsafah Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.